

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**KPM PASTIKAN KEMUDAHAN PENDIDIKAN TERBAIK DEMI
KESEJAHTERAAN MURID, GURU DAN SELURUH WARGA**

Kementerian Pendidikan (KPM) mengambil perhatian hantaran tular media sosial melibatkan seorang pempengaruh berkait tajaan penyaman udara untuk sebuah sekolah di Putrajaya.

Sekian lama, KPM telah menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk syarikat korporat, yayasan dan orang perseorangan untuk tujuan penyelenggaraan institusi pendidikan. Walau bagaimanapun, ia perlu dilakukan berdasar kepada garis panduan sedia ada bagi memastikan proses penyaluran sumbangan yang teratur dan keselamatan sekolah.

KPM mengambil tanggungjawab penuh dalam memastikan sekolah adalah selamat dan selesa untuk semua warga sekolah. Adalah menjadi tanggungjawab pentadbir sekolah untuk terus memastikan keadaan sekolah berada dalam keadaan kondusif.

Berkenaan dengan situasi di sekolah berkenaan, ia berada dalam tindakan pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPWPP). KPM telah menyediakan peruntukan bagi selenggara dan tambah baik fasiliti institusi pendidikan JPWPP.

KPM sentiasa berusaha untuk memastikan infrastruktur dan fasiliti terbaik dapat disediakan demi manfaat murid, guru dan seluruh warga pendidikan.

TAMAT

**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
13 SEPTEMBER 2025**